

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 20 March 1968 > Page 8 > Mata2 gelap mesti berani hadap bahaya, kata penulis2 ini

# Mata2 gelap mesti berani hadap bahaya, kata penulis2 ini

Berita Harian, 20 March 1968, Page 8

Article also available on [Microfilm Reel NL5410](#)

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# Mata2 gelap mesti berani hadap bahaya, kata penulis2 ini

**TUGAS** sa-orang mata2 gelap bukan-lah mudah,' kata Ramlan bin Kasbi dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang, Selangor.

Ramlan ia-lah sa-orang daripada lima orang yang berjaya dalam peraduan mengarang 'Kalau saya jadi mata2 gelap.' Empat orang lagi yang berjaya dalam peraduan tersebut ia-lah:

ISMAIL HJ. A. RAHMAN, Pekan Mahang, Kulim, Kedah; ILHAM GHAZALI, Hospital Qrs. Muar, Johor; ISKANDAR SHAH BIN ABDULLAH, Sekolah Mohd. Khir Johari, Johor dan MOHD. SYAH ABDULLAH, Bait

Information

Scroll to Top



Newspaper: Berita Harian

Date: 20 March 1968

Reel Number: NL5410

Share

Table of Contents

Previous

Page 8

Next

## LUKISAN MINGGU INI...

LUKISAN MINGGU INI... im\\s.a\ ryifefsm Di-pimpin oleh Mak Chik Sidah Jji-ANTARA lima orang yang

## Kerana murid2 cherdas pindah sekolah keputusan ta memuaskan

Kerana murid2 cherdas pindah sekolah keputusan ta memuaskan FWRIP(D) sa-rairai 143 orang murid

## Beratus2 pelajar lulusan Melayu menganggor, permohonan ta' di-layan

View Full Table of Contents

SHAH ABDULLAH, Railway Qrts, Seremban.

**RAMLAN BIN KASBI:** Tugas sa-orang mata2 gelap bukan-lah mudah. Saya terpaksa menghadapi berbagai2 masa'-alah ketika menjalankan penyiasatan.

Kadang2 terpaksa berhadapan dengan maut. Tetapi bagi saya ini semua tidak menjadi hal kerana saya rela berkorban demi menjaga keamanan dalam negeri.

Ketika menjalankan penyiasatan, saya tidak memakai unifom. Kadang2 saya terpaksa bergaul dengan kumpolan2 haram untok mengetahui perjalanan dan gerakan2 mereka.

Saya kadang2 terpaksa memakai nama samaran untok mengintip rahsia mereka. Apabila sudah sah orang yang saya intip itu bersalah, baru-lah saya tangkap.

**ISMAIL BIN HJ. A. RAHIM:** Tugas saya sebagai mata2 gelap adalah mengintip gerak geri penjahat2 dan mengekori mereka hingga dapat di-berkas.

Walaupun bagitu tugas ini bukan-lah mudah dijalankan, sebalek-nya tidak kurang merbahaya-

## Tajok

Bagaimana-kah sa-baik2-nya chara membacha? Ada di-antara anak membacha sambil lewa, tidak memahami atau memasokkan betul2 apa yang di-bacha-nya ka-dalam otak.

Anak2 yang bagini sering lupa akan apa yang telah di-bacha-nya, baik buku2 pelajaran sekolah mahu pun buku2 cherita yang tidak menarek hati-nya.

Bila di-tanya apa yang di-bacha-nya seringkali dia tidak dapat menjawab. Tetapi chuba-lah kita tanya tentang majallah2 filem yang di-bacha-nya, tentu dia ingat nama segala bintang filem di-dalam-nya.

Kenapa jadi demikian? Chuba anak buat karangan mengenai hal ini. Karangan yang terbaik akan di-beri hadiah buku 'Pangong Kanak2.'

Peraduan di-tutup pada 30 Mach dan keputusan-nya akan di-siarkan pada 3 April.

nya. Pekerjaan ini banyak memerlukan masa dan tenaga

Kadang2 saya terpaksa chekal dan sabar menghadapi apa2 kesulitan. Suatu ketika saya nyaris2 menjadi mangsa penjahat manakala ketika menjalankan tugas saya telah terperangkap dalam sa-buah bilek.

Tapi mujor-lah saya dapat melepaskan diri.

**ILHAM BIN GHAZALI:** Menjadi sa-orang mata2 gelap telah menjadi cita2 saya sejak kecil. Ini adalah satu2-nya tugas paling penting dari segi undang2.

Kalau saya menjadi sa-orang mata2 gelap, terpaksa-lah saya menumpukan segala minat saya kepada tugas.

Saya mesti bersedia menghapuskan kumpulan2 haram atau kongsi2 gelap yang banyak di-negara ini, sungguh pun ia penuh dengan bahaya.

Saya suka menjadi mata2 gelap kerana pengalaman2 yang di-dapati ketika menjalankan tugas2 yang merbahaya itu besar guna-nya.

**ISKANDAR SHAH BIN ABDULLAH:** Semua orang suka jadi mata2 gelap. Saya suka, Abdul suka, Ali suka, Atan suka banyak lagi. Kawan2 saya yang suka menjadi mata2 gelap.


Kalau saya jadi mata2 gelap saya akan jalankan pekerja saya dengan cergas dan sungguh2. Saya tidak takut mati dan mesti berani menghadapi bahaya.

Saya akan menangkap orang2 yang membuat pekerjaan merompak, menchuri, membunuh dan lain2 lagi. Saya akan tangkap juga orang2 yang bersalah melanggar undang2 negara.

Kalau penchuri2 bermaharajalela, saya mesti bertindak supaya penchuri2 itu tertangkap dan negeri ini aman.

**MOHD SHAH ABDULLAH:** Saya orang baru di-bandar itu. Pada suatu pagi sedang pasar minggu sibok dan hirok-pikok dengan suara jual beli, sa-orang nyonya telah kechurian beg duit-nya.


Beg itu di-simpan-nya dalam-nva dalam bakul



bersama2 barang2 yang telah di-beli-nya. Walau pun kecil, tetapi penuh.

Budak India yang mengambil beg itu menchari dengan diam2 hingga nyonya itu tidak sedar.

Saya mengikuti perbuatan itu dengan mata dan nampak budak itu menyampaikan beg tersebut kepada sa-orang pemuda lain terus mereka lari dari situ.



Saya mengikuti mereka tanpa di-ketahui hingga sampai ka-suatu tempat sunyi di-mana mereka membahagi2kan wang dengan kumpolan mereka.

Masa itu-lah saya tangkap mereka.

## Related Articles



No related article found.

